



---

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2016**

---

**PEMAKLUMAN**

**PENUBUHAN FAKULTI DAN PUSAT PEMBANGUNAN INSAN  
DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS  
SELARAS PERUNTUKAN SEKSYEN 18  
PERLEMBAGAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

Jabatan Pendaftar

**27 Mei 2016**

Disalinkan kepada :

Rektor

Bendahari

Pemangku Pustakawan

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar



**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2016**

**PEMAKLUMAN PENUBUHAN FAKULTI DAN PUSAT PENGAJIAN  
DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS SELARAS PERUNTUKAN SEKSYEN 18  
PERLEMBAGAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ke-11 Bil. 3/2015 Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) yang telah bersidang pada 10 Disember 2015 telah meluluskan cadangan Penubuhan Fakulti dan Pusat di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) selaras peruntukan **Seksyen 18** Perlembagaan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).
- 1.2 Melalui penstrukturan ini, Jabatan Pengurusan Akademik sedia ada telah distrukturkan semula kepada dua (2) buah fakulti dan satu (1) pusat seperti berikut:
- i. Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)*
  - ii. Fakulti Pengajian Islam (FPI)*
  - iii. Pusat Pembangunan Insan (PPI)*
- 1.3 Selaras dengan penstrukturan ini, Mesyuarat Ke-12 Bil. 1/2016 Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) yang bersidang pada 16 Mei 2016 telah meluluskan cadangan Struktur Tadbir Urus dan Governan Akademik Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) seperti di **Rajah 1: Struktur Tadbir Urus dan Governan Akademik KUIPs** dan hendaklah dikuatkuasa di peringkat Fakulti dan Pusat.
- 1.4 Maklumat lanjut mengenai perincian bagi penyandang jawatan di peringkat Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Fakulti Pengajian Islam (FPI) dan Pusat Pembangunan Insan (PPI) yang telah diluluskan seperti di Perenggan 1.2 dan Perenggan 1.3 akan dimaklumkan kemudian.
- 1.5 Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai penstrukturan tadbir urus akademik di Kolej Universiti Islam Perlis dan segala urusan berkaitan Kolej Universiti hendaklah mengambilkira perubahan yang telah dilakukan.



No. Rujukan : KUIPs/PEND./MEMO/100.25/2016 (6)  
Tarikh : 27 Mei 2016

---


Sekian, untuk makluman.

**"SYUMUL, TAQWA DAN DINAMIK"**  
**"Graduan Berminda Keusahawanan"**

Saya yang menurut perintah,

  
.....  
(ROHANA BINTI ZAINOL)  
Penolong Pendaftar Kanan  
b.p Pendaftar  
Kolej Universiti Islam Perlis

Rajah 1 : Cadangan Struktur Tadbir Urus dan Governan Akademik Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)



*Nota : Telah diluluskan di bawah Mesyuarat Senat Bil. 1/2016 bertarikh 10 Februari 2016 dan diperakukan di bawah Mesyuarat Ke-12 Bil. 1/2016 pada 10 Mei 2016*